

'Terima kasih atas makluman, tindakan segera akan diambil'

KUALA LUMPUR - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan mengambil tindakan segera susulan pendedahan membabitkan sebuah pusat hiburan yang beroperasi di dalam sebuah pusat beli-belah terkenal di ibu negara.

Perkara itu dimaklumkan DBKL menerusi komen terhadap klip video tular yang dimuat naik seorang pengguna di media sosial mengenai kegiatan tersebut baru-baru ini.

"Terima kasih atas makluman. Perkara ini akan dipanjangkan kepada jabatan yang berkaitan untuk tindakan segera," kata DBKL.

Terdahulu, tular satu klip video menunjukkan sebuah pusat hiburan beroperasi pada siang hari di dalam sebuah pusat beli-belah di Jalan Tun Tan Cheng Lock berhampiran Pasar Seni di sini.

Video berdurasi lebih seminit itu turut memaparkan suasana premis itu yang menawarkan minuman keras selain memasangkan muzik dengan kuat.

Turut kelihatan adalah beberapa pelanggan pusat hiburan di luar dan dalam premis tersebut yang rata-ratanya dipercayai terdiri daripada warga asing.

Bagaimanapun, tinjauan wartawan *Kosmo!* di lokasi ber-

kenaan baru-baru ini mendapati salah satu pusat hiburan itu telah ditutup dengan pintunya dikunci dan ditutupi langsir hitam.

Sementara satu lagi premis yang kelihatan seperti sebuah bar karaoke tetap beroperasi sambil dipantau seorang individu disyaki penjaga premis yang berada di hadapan pusat hiburan terbabit.

Tinjauan juga mendapati, bilangan pengunjung di pusat hiburan itu dilihat sedikit suram berbanding sebelum ini kerana didakwa sudah berada dalam radar pihak berkuasa berikutan penularan video berkaitan kegiatan tersebut.



ANTARA tangkap layar video tular mengenai kewujudan sebuah pusat hiburan yang beroperasi di pusat beli-belah di Kuala Lumpur.